

PERTANDINGAN BOLING BAKAT PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH 2018

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3259-pertandingan-boling-bakat-pangkalan-udara-butterworth-2018

BUTTERWORTH, 30 Mac 18 - Pertandingan Boling BAKAT Pangkalan Udara Butterworth 2018 telah diadakan di Megamall Bowling Center di Seberang Jaya dan dirasmikan oleh Pengerusi BAKAT PU Butterworth, Puan Nur Shahidaa binti Abdullah. Pertandingan yang bermula pada jam 3.30 petang ini telah disertai oleh 50 ahli-ahli BAKAT dari semua unit PU Butterworth.

Pasukan dari Skuadron 310 telah berjaya menjadi johan pertandingan ini manakala Best Bowler 2018 telah dimenangi oleh Puan Hazreena binti Che Rahim dari No 15 Skuadron. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengerusi BAKAT PU Butterworth diiringi oleh Ketua Biro Sukan Puan Rozanita binti Awang Mansor.

